



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 77
No. 53

31hb Disember 2024

TAMBAHAN No. 14
PERUNDANGAN

Phg. P.U. 27.

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

Fatwa yang dinyatakan dalam Jadual yang dibuat oleh Mufti Negeri di bawah subseksyen 36(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [Enakmen No. 3 tahun 1991] setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak menurut subseksyen 39(6) Enakmen itu adalah disiarkan menurut subseksyen 36(2) Enakmen itu:

JADUAL

HUKUM MENGGUNAKAN DNA DALAM MENGISBATKAN NASAB SEORANG ANAK

- Mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa bukti ujian DNA semata-mata tidak membolehkan seorang ayah menafikan anak yang dilahirkan oleh isterinya yang sah.
- Penafian yang ingin dibuat oleh seorang ayah mestilah selewat-lewatnya 3 hari selepas kelahiran anak tersebut melalui proses "lian" di Mahkamah Syariah.

Bertarikh pada 12 Disember 2024
[JMNP:C FT 351/600/59 JLD2]

PROFESOR DATO' DR. ASMADI BIN MOHAMED NAIM
Mufti Negeri Pahang

اینکمن فتنیبین اوندغ-اونداغ اسلام 1991
فتوى دباؤه سیکشن 36

لئوی بیت دیتاکن دائم جدول بیت دیوات اولیه مقتی نگری دباره سوبیکشن 36(1) اینکمن فتنیبین اوندغ-اونداغ اسلام 1991 [اینکمن نومبر 3 تامن 1991] مثله دلو لو سکن اولیه حاوی تکواں فروندیعن حکوم تبع منوروت سوبیکشن 36(6) اینکمن ایت ادله دسیارکن متوروت سوبیکشن 36(2) اینکمن ایت:

جدوال

حکوم مذکوناکن DNA دللم مفہیتکن نسب ساروغ اقی

- مشوارت برستوجرموموترسکن بھارا بوقتی اوچین DNA ساتسماست تیدق مبوبیتکن ساروغ ایه مفتیکن اقی بیت دلاهیرکن اولیه ایستربیت بیت صحیح.
- ققین بیع ایشین دیوات اولیه ساروغ ایه مستقله ملیوانت لیوان 3 هلری سلس کلاهیر انق ترسیوت ملازوہی فرومیس "بغز" دمحکه شریعة.

برتاریخ ۱۲ نومبر 2024

[JMNP:C FT 351/600/59 JLD2]

Phg. P.U. 28.

ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1991

PERATURAN-PERATURAN PEGUAM SYARIE (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 66 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 [*Enakmen No. 3 tahun 1991*], Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Peguam Syarie (Pindaan) 2024**.
(2) Perenggan 2(a) hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 24 Mac 2007.
(3) Perenggan 2(b), peraturan 3 dan peraturan 4 hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 13 Julai 2022.